



**GARIS PANDUAN**

**ANUGERAH DESA CEMERLANG**  
**(ADC)**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR**  
**BANDAR DAN WILAYAH**



*Unit Pengupayaan Komuniti Luar Bandar  
Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah  
Mac 2011*

# GARIS PANDUAN ANUGERAH DESA CEMERLANG TAHUN 2011

---

## 1. PENYATAAN DASAR

1. Jemaah menteri dalam mesyuaratnya pada 14 Ogos 1986 telah memutuskan supaya pertandingan rumah-rumah kampung dan pertandingan kampung-kampung diadakan secara berperingkat-peringkat iaitu peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
2. Tujuan program ini ialah untuk mempertingkatkan kesedaran dan amalan menjaga kesihatan serta kebersihan persekitaran serta membentuk kampung-kampung yang bersatu-padu, indah dan tersusun menerusi aktiviti pertandingan ini.
3. Berdasarkan keputusan di atas, Program Keindahan Kampung (PKK) telah diwujudkan dan aktiviti **Pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung (PKKK)** dilaksanakan mulai tahun 1987 secara dwi tahunan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan jabatan/agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

## 2. LATAR BELAKANG

1. Mulai tahun 2000 (RMKe-8), aktiviti dan skop pertandingan ini telah disemak semula, disesuaikan dengan keperluan semasa dan perluasan. Perubahan juga dilakukan ke atas nama aktiviti kepada **Pertandingan Desa Cemerlang (PDC)** supaya dapat menonjolkan aspek-aspek yang berkaitan dengan **pembangunan manusia**
2. Bermula pada tahun 2005 pula; PDC diletakkan sebagai satu daripada aktiviti utama **Gerakan Daya Wawasan**; di samping beberapa penambahbaikan telah dilakukan bagi memastikan kemajuan yang dicapai oleh setiap kampung adalah selaras dengan pembentukan desa berkualiti yang bercirikan Wawasan 2020. Sekali gus, aktiviti ini sekali lagi diberi nama baru, iaitu **Anugerah Desa Cemerlang (ADC)**.

## 3. OBJEKTIF

- 3.1 Menilai prestasi dan pencapaian kampung ke arah maju, menarik dan menguntungkan serta mewujudkan masyarakat yang cemerlang bersesuaian dengan matlamat negara maju.
- 3.2. Memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada kepimpinan kampung bagi melahirkan kampung yang mapan dan dinamik.
- 3.3. Memberi pengiktirafan dan galakan kepada kepimpinan kampung atas kejayaan yang dicapai dan seterusnya melonjakkan lagi kecemerlangan pada masa akan datang.

3.4 Menjadi kampung contoh, *'role model'* atau *'mentor'* kepada kampung-kampung lain dalam usaha memajukan semua kampung yang ada serta melaksanakan pengupayaan komuniti luar bandar khususnya dalam aspek kepimpinan sosial dan ekonomi kampung.

#### 4. MEKANISME PELAKSANAAN

##### 4.1 Kelayakan / Penyertaan

4.1.1 Kampung yang layak menyertai pertandingan ini ialah:-

- i kampung-kampung induk yang berJKKK/JKKKP; dan
- ii. kampung-kampung di bawah penempatan semula/ pembangunan wilayah/ kampung FELDA yang telah mempunyai JKKK/JKKKP.

4.1.2 Kampung-kampung yang berjaya menjadi Johan ADC Daerah, Negeri dan Kebangsaan pada tahun 2007 hingga 2010 **TIDAK DIBENARKAN** menyertai pertandingan selama **dua (2) kali pertandingan** (4 tahun berturut-turut). Selepas tempoh tersebut, maka kampung-kampung berkenaan dibolehkan untuk menyertai semula ADC.

4.1.3 Kampung yang bertanding hendaklah memastikan profil kampung telah dikemaskini dalam sistem e-GDW.

## 4.2 Hebahan Pemilihan

4.2.1. Pemilihan ADC Peringkat Daerah dan Negeri akan dihebahkan menerusi Pejabat Daerah dan Jabatan/ Agensi KKLW dan laman web KKLW.

## 4.3 Permohonan/ Saringan

4.3.1 Kampung yang berminat boleh mendapatkan borang pendaftaran melalui mana-mana Pejabat Daerah/ Pejabat KEMAS/ Agensi KKLW. Contoh borang permohonan adalah sepertimana di **LAMPIRAN A**.

4.3.2 Borang yang lengkap berserta lapan (8) profil kampung (mengikut format KKLW) hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Daerah untuk proses saringan.

4.3.3 Sebuah panel tujuh (7) anggota yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah akan menyaring kelayakan kampung-kampung yang berminat menyertai ADC. **Pegawai KEMAS Daerah adalah selaku urus setia.** Baki lima (5) ahli panel ditentukan Pengerusi panel.

4.3.4 Panel ini berperanan untuk **memilih kampung yang mendapat markah tertinggi di mukim masing-masing.** Keputusan peringkat saringan adalah muktamad dan hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa ADC Peringkat Daerah.

4.3.5 Penilaian hendaklah ditumpukan kepada prinsip-prinsip utama Gerakan Daya Wawasan berasaskan tujuh (7) aspek penghakiman ADC.

4.3.6 Keputusan saringan hendaklah dimaklumkan secara bertulis oleh KEMAS Daerah kepada semua kampung yang memohon menyertai pertandingan ini.

4.3.7 Suatu taklimat khas mengenai tatacara pelaksanaan serta jadual tarikh penilaian hakim akan diadakan dengan kampung-kampung terpilih. Taklimat akan diberikan oleh KEMAS Daerah.

#### **4.4 Takwim Pelaksanaan**

##### **4.4.1. Peringkat Mukim, Daerah dan Negeri**

- a. Proses saringan perwakilan Peringkat Mukim dan penghakiman Peringkat Daerah hendaklah dilaksanakan dalam tempoh **empat (4) bulan iaitu bulan Mei hingga Ogos.**
- b. Proses penghakiman Peringkat Negeri hendaklah dilaksanakan pada tahun berikutnya dalam tempoh **dua (2) bulan iaitu bulan Ogos dan September.**
- c. Kampung yang diisytiharkan sebagai pemenang peringkat daerah dan negeri akan diraikan dalam suatu majlis penyampaian hadiah peringkat negeri

yang diadakan pada tahun penghakiman peringkat negeri iaitu di antara **bulan November** dan **pertengahan Disember**.

#### 4.4.2. Peringkat Kebangsaan

- a. Selepas selesai majlis penyampaian hadiah peringkat negeri, 13 kampung yang menjadi pemenang di Peringkat Negeri akan bertanding di Peringkat Kebangsaan pada tahun berikutnya.
- b. Surat perlantikan, jadual pergerakan dan taklimat kepada panel hakim hendaklah dilakukan dalam tempoh **tiga (3) bulan, antara bulan Januari - Mac**.
- c. Proses penghakiman dan persiapan majlis penyampaian hadiah hendaklah dilaksanakan selama **(4) bulan, iaitu antara bulan April - Julai**.
- d. Kampung yang diisytiharkan sebagai pemenang peringkat kebangsaan akan diraikan pada suatu majlis penyampaian hadiah peringkat kebangsaan pada tahun yang sama.
- e. **Hadiah Projek Ekonomi/ Pembangunan** bagi pemenang pertama hingga keempat hendaklah disempurnakan pada tahun yang sama dengan **menggunakan peruntukan tahun semasa**.

## 5. PENUBUHAN JAWATANKUASA ANUGERAH DESA CEMERLANG (ADC) PERINGKAT KEBANGSAAN, NEGERI dan DAERAH

Tiga (3) Jawatankuasa ADC Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah akan ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan segala perancangan yang berkaitan dengan **hal-ehwal logistik/ mobilisasi panel hakim dan persiapan/ persediaan majlis penyampaian hadiah** dilaksanakan secara teliti dan sistematik, iaitu :-

### 5.1. Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan

Diurus tadbir **Jawatankuasa ADC Peringkat Kebangsaan**. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pengupayaan Komuniti KKLW, dan Bahagian Pembangunan Desa, Kemas selaku urus setia. Ahli-ahli akan ditentukan oleh Pengerusi.

### 5.2. Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Negeri

Diurus tadbir **Jawatankuasa ADC Peringkat Negeri**. Keahlian tetap jawatankuasa ini adalah sepertimana berikut :

#### a. Negeri-negeri di Semenanjung

Penasihat	-	EXCO Pembangunan Luar Bandar
Pengerusi	-	Setiausaha Kerajaan Negeri (atau Pengarah PPN Negeri)
Urus setia	-	KEMAS Negeri
Ahli Tetap	-	Pejabat Daerah



**b. Negeri Sabah**

- Penasihat - Menteri KPLB Sabah
- Pengerusi - Setiausaha Tetap KPLB Sabah  
(atau Pengarah JPP Sabah)
- Urus setia - KEMAS Negeri
- Ahli Tetap - Pejabat Daerah

**c. Negeri Sarawak**

- Penasihat - Menteri KPLB Sarawak
- Pengerusi - Setiausaha Tetap KPLB  
Sarawak  
(atau Pengarah JPN Sarawak)
- Urus setia - KEMAS Negeri
- Ahli Tetap - Pejabat Residen

**d. Negeri Kelantan**

- Penasihat - Pengerusi KESEDAR
- Pengerusi - Pengarah JPP Negeri Kelantan
- Urus setia - KEMAS Negeri
- Ahli Tetap - Pegawai Pembangunan Jajahan  
Wakil Agensi KKLW

**e. WP Labuan**

- Penasihat - Menteri Wilayah Persekutuan
- Pengerusi - Perbadanan WP Labuan
- Urus setia - KEMAS Wilayah Persekutuan

**f. Negeri Kedah**

Penasihat	-	Pengerusi KEDA
Pengerusi	-	Pengarah PPN Negeri Kedah
Urus Setia	-	KEMAS Negeri
Ahli Tetap	-	Pejabat Pembangunan Negeri (Cawangan/zon)

**g. Negeri Pulau Pinang**

Penasihat	-	Pengerusi PERDA
Pengerusi	-	Pengarah PPN Negeri Pulau Pinang
Urus Setia	-	KEMAS Negeri
Ahli Tetap	-	Pejabat Pembangunan Negeri (Cawangan / Zon)

**h. Negeri Selangor**

Penasihat	-	-
Pengerusi	-	Pengarah PPN Negeri Selangor
Urus Setia	-	KEMAS Negeri
Ahli Tetap	-	Pejabat Pembangunan Negeri (Cawangan / Zon)

**NOTA** : *Lain-lain ahli akan ditentukan Pengerusi*

**5.3. Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Daerah**

Diurus tadbir **Jawatankuasa ADC Peringkat Daerah**.  
Keahlian tetap jawatankuasa ini adalah sepertimana berikut :

**a. Daerah-daerah Semenanjung/Sabah**

- Pengerusi - Pegawai Daerah
- Urus Setia - Pegawai KEMAS Daerah
- Ahli Tetap - Wakil Agensi KKLW

**b. Bahagian - Bahagian Sarawak**

- Pengerusi - Residen
- Urus Setia - Pegawai KEMAS Daerah
- Ahli Tetap - Wakil Agensi KKLW

**c. Jajahan Kelantan**

- Pengerusi - Pegawai Pembangunan Jajahan
- Urus Setia - Pegawai KEMAS Daerah
- Ahli Tetap - Wakil Agensi KKLW

**d. Daerah-daerah Negeri Pulau Pinang, Kedah dan selangor**

- Pengerusi - Pegawai Pejabat Pembangunan negeri (Cawangan / Zon)
- Urus Setia - Pegawai KEMAS Daerah
- Ahli Tetap - Wakil Agensi KKLW

**NOTA :** *Lain-lain ahli akan ditentukan Pengerusi*

## **6. SISTEM PENGHAKIMAN**

6.1. **Tujuh (7) aspek** yang akan dinilai oleh panel hakim adalah sepertimana di **LAMPIRAN B**. Manakala, pembahagian markah mengikut aspek yang dinilai adalah sepertimana di

**LAMPIRAN C.** Panel hakim mengikut peringkat-peringkat sepertimana berikut:-

**a. Penghakiman Peringkat Kebangsaan**

Ketua Panel Hakim ialah **Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKLW**. Ketua Penolong Setiausaha, Unit Gerakan Daya Wawasan, Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa adalah sebagai Ketua Penyelaras Panel Hakim dan KEMAS Ibu Pejabat sebagai urus setia. Lain-lain ahli panel hakim adalah seperti di **Lampiran D**.

**b. Penghakiman Peringkat Negeri**

Ketua Panel Hakim **dipilih oleh Pengerusi Jawatankuasa ADC Peringkat Negeri**. Urus setia ialah KEMAS Negeri. Lain-lain ahli panel hakim seperti di **Lampiran D**.

**c. Penghakiman Peringkat Daerah**

Ketua Panel Hakim **dipilih oleh Pengerusi Jawatankuasa ADC Peringkat Daerah**. Urus setia ialah KEMAS Daerah. Lain-lain ahli panel hakim adalah seperti di **Lampiran D**.

- 6.2. Jika julat perbezaan markah adalah kurang daripada (1) markah, maka panel hakim hendaklah menentukan kedudukan kampung berdasarkan **kampung yang mendapat markah tertinggi dalam Aspek Ekonomi (Sumber Kekayaan Baru Desa)**.

## 7. ASPEK SUMBER KEKAYAAN BARU DESA

7.1. YAB Perdana Menteri semasa Majlis ADC Kebangsaan di Kampung Bayangan, Keningau, Sabah pada 12 Disember 2004, telah mencadangkan supaya penilaian turut dilakukan terhadap kemampuan penduduk menggunakan kebolehan, kepandaian, kemahiran, kreativiti dan inovasi untuk :

- a. mencipta suatu produk unik/ baru yang tiada dalam pasaran serta memiliki potensi komersil yang tinggi;
- b. mencipta suatu kaedah/ teknik, teknologi/ peralatan atau penyelidikan/ petua yang dapat meningkatkan produktiviti, kualiti/ daya saing produk; dan
- c. memanfaatkan hasil penyelidikan saintifik/ kajian tempatan untuk memberi nilai kompetitif terhadap produk sedia ada.

7.2. Sehubungan itu, panel hakim aspek ini di peringkat daerah telah ditugaskan untuk menyediakan laporan terperinci mengenai penemuan-penemuan mereka di peringkat akar umbi. **Laporan ini akan ditimbang oleh sebuah jawatankuasa khas di bawah Projek Ekonomi Baru Desa.**

## 8. NILAI HADIAH & KAEDAH PEMBIAYAAN

8.1. Hadiah disediakan dalam bentuk wang tunai. Nilai dan kadar hadiah projek ADC mengikut peringkat pertandingan adalah seperti berikut:-

### **ADC Peringkat Daerah**

<b>Tahap Pencapaian</b>	<b>Hadiah Wang Tunai</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
<i><b>Pertama</b></i>	4,000.00	4,000.00
<i><b>Kedua</b></i>	3,000.00	3,000.00
<i><b>Ketiga</b></i>	2,000.00	2,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>9,000.00</b>	<b>9,000.00</b>

<b>Kos keseluruhan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
<i><b>Hadiah keseluruhan 121 daerah X RM9000</b></i>	<b>1,089,000.00</b>
<i><b>Penghakiman 121 daerah X RM3000</b></i>	<b>363,000.00</b>
<i><b>Sijil, mobiliti, peralatan urus setia KKLW dan Kemas Ibu pejabat</b></i>	<b>48,000</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,500,000.00</b>

### **ADC Peringkat Negeri**

<b>Tahap Pencapaian</b>	<b>Hadiah Wang Tunai</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
<b>Pertama</b>	10,000.00	<b>10,000.00</b>
<b>Ke Dua</b>	8,000.00	<b>8,000.00</b>
<b>Ke Tiga</b>	6,000.00	<b>6,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>24,000.00</b>	<b>24,000.00</b>

Kos Keseluruhan	Jumlah (RM)
<i>Hadiah keseluruhan negeri</i>	<b>336,000.00</b>
<i>Penghakiman</i>	<b>411,000.000</b>
<i>Penyampaian Hadiah</i>	<b>253,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,000,000.00</b>

### **ADC Peringkat Kebangsaan**

Tahap Pencapaian	Hadiah Wang Tunai	Hadiah Projek Ekonomi	Jumlah (RM)
<b>Johan</b>	25,000	200,000	<b>225,000</b>
<b>Naib Johan</b>	20,000	150,000	<b>170,000</b>
<b>Ke Tiga</b>	15,000	100,000	<b>115,000</b>
<b>7 Aspek</b>	70,000 7 x 10,000	350,000 7 x 50,000	<b>420,000</b>
<b>4 Anugerah Khas</b>	20,000 4 x 5,000	40,000 4 x 10,000	<b>60,000</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>150,000</b>	<b>840,000</b>	<b>990,000</b>

Kos Keseluruhan	Jumlah (RM)
<b>Hadiah</b>	<b>990,000.00</b>
<b>Penghakiman</b>	<b>60,000.000</b>
<b>Penyampaian Hadiah</b>	<b>1,450,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>2,500,000.00</b>

- 8.2. **Sijil penyertaan diberikan kepada semua kampung** yang menyertai aktiviti ini di peringkat ADC Daerah, Negeri dan Kebangsaan.
- 8.3. Laporan penghakiman (format di **Lampiran E**) disediakan sebagai panduan kepada setiap kampung yang telah menyertai aktiviti ini; menilai tahap pencapaian sedia ada serta merancang pembangunan kampung di masa hadapan.
- 8.4. Kerajaan-kerajaan Negeri adalah digalakkan untuk mendapatkan tajaan daripada syarikat kerajaan negeri untuk membiayai hadiah-hadiah iringan kepada kampung bagi memeriahkan majlis.

## **9. KAEDAH TUNTUTAN HADIAH KEMENANGAN**

- 9.1. **Hadiah Wang Tunai** untuk pemenang Peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan hendaklah diserahkan dalam **bentuk cek** kepada kampung-kampung terbabit pada hari majlis penyampaian hadiah.
- 9.2. **Hadiah Projek Pembangunan/ Ekonomi** bagi pemenang Peringkat Kebangsaan hendaklah disempurnakan pada tahun yang berikutnya.

## **10. PANDUAN UMUM PENGANJURAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERINGKAT DAERAH/ NEGERI**

- 10.1. Hadiah ADC peringkat daerah dan negeri hendaklah disampaikan dalam **Majlis Penyampaian Hadiah ADC Peringkat Negeri**. Intipati utama ucapan hendaklah berkisar



mengenai Gerakan Daya Wawasan. Majlis ini hendaklah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar atau YAB Ketua Menteri atau YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

- 10.2. **Majlis Penyampaian Hadiah ADC Peringkat Kebangsaan** hendaklah diadakan di mana-mana kampung yang dipersetujui YB Menteri KKLW. Majlis ini hendaklah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. Manakala, YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan YAB Menteri Besar / YAB Ketua Menteri (hos tuan rumah) adalah turut dijemput.

**11. LAPORAN KEPUTUSAN BAGI TUJUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI / PENYELIDIKAN / MAKLUM BALAS**

- 11.1. KEMAS Daerah selaku Urus Setia Ahli Panel Hakim ADC Peringkat Daerah adalah dikehendaki untuk mengemukakan laporan terperinci penghakiman aspek Sumber Kekayaan Baru Desa kepada KEMAS Ibu Pejabat, dengan disertakan bersama foto. Sila rujuk **LAMPIRAN F**.

- 11.2. KEMAS Daerah dan KEMAS Negeri adalah dikehendaki mengemukakan keputusan panel hakim mengikut format sepertimana di **LAMPIRAN E** kepada KEMAS Ibu Pejabat.

## 12. PENUTUP

Komitmen dan kerjasama semua pihak di peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan adalah diharapkan bagi menjayakan Anugerah Desa Cemerlang dalam usaha merangsang kawasan luar bandar menjadi maju, menarik dan menguntungkan selaras dengan pencapaian Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

*Mac 2011  
Unit Pengupayaan Komuniti Luar Bandar  
Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*



## LAMPIRAN A

### BORANG PENYERTAAN ANUGERAH DESA CEMERLANG (ADC) PERINGKAT DAERAH TAHUN 2011

Nama Kampung : \_\_\_\_\_  
Mukim/ Daerah (Kelantan shj) : \_\_\_\_\_  
Daerah / Jajahan / Bahagian : \_\_\_\_\_  
DUN : \_\_\_\_\_  
Parlimen : \_\_\_\_\_  
Alamat Kampung : \_\_\_\_\_  
: \_\_\_\_\_  
Tel : \_\_\_\_\_  
Faks : \_\_\_\_\_  
.

Dengan ini kami memohon untuk menyertai Anugerah Desa Cemerlang peringkat Daerah Tahun 2011 dan bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan JKKK)

**Nama**  
**No. KP**  
**Jawatan**

**Di Sokong Oleh :**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pemimpin Tempatan)

**Nama**  
**Tarikh**  
**Cop**

**Diterima oleh Pejabat Daerah :**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pejabat Daerah)

**Nama**  
**Tarikh**  
**Cop**

*Nota : Sila pastikan maklumat kampung telah dikemaskini dalam sistem e-GDW dan kepilkan Buku Profil Kampung bersama-sama permohonan ini*

**ASPEK 1 - Kepimpinan**

- a. Aspek ini menilai perkara-perkara yang berhubung kait dengan tahap kepimpinan dan kegiatan institusi kemasyarakatan yang terdapat di kampung berkenaan. Aspek ini meliputi peranan dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Institusi dan Pertubuhan dalam menggerakkan dan mewujudkan keutuhan sesebuah kampung.
- b. Penilaian dibuat dari segi peranan, sumbangan, tanggungjawab dan kebolehan JKKK/Institusi/Pertubuhan itu dalam mengatur, mengurus dan mengendalikan institusi mereka secara cekap dan berkesan.
- c. Ini termasuk keupayaan mengubah minda serta sikap yang positif di kalangan penduduk, penyediaan pelan tindakan kampung yang merangkumi penyediaan jadual aktiviti mingguan, bulanan dan tahunan, data-data/maklumat, pelan, peta, carta-carta, kebolehan menjalin hubungan (networking) dengan Jabatan-jabatan dan Agensi Kerajaan/Swasta bagi memajukan kampung, kebolehan mengurangkan atau menangani masalah-masalah sosial di kampung seperti budaya lepak, penyalahgunaan najis dadah dan lain-lain serta usaha-usaha yang boleh menarik minat penduduk melibatkan diri dalam apa jua aktiviti di peringkat kampung.

**ASPEK 2 - Pendidikan**

- a. Aspek ini dinilai dari segi tahap pendidikan non-formal dan formal penduduk dari peringkat pra-sekolah, sekolah rendah/menengah dan pengajian tinggi. Tumpuan diberi kepada usaha-usaha mempertingkatkan pencapaian pendidikan melalui kelas-kelas bimbingan, perpustakaan desa, pusat sumber, kelas komputer dan lain-lain di peringkat kampung.
- b. Aspek ini juga mengambil kira bilangan penduduk yang mendapat latihan kemahiran melalui Agensi Kerajaan/Swasta, minat dan penglibatan penduduk dalam bidang-bidang teknikal dan berteknologi dengan mewujudkan pusat-pusat perkhidmatan sama ada secara individu atau berkumpulan.

- c. Aspek ini dapat mengukur sejauh mana sumbangan penduduk yang menerima pendidikan dan latihan kemahiran memanfaatkan ilmu dan kemahiran mereka untuk faedah seluruh kampung.

### **ASPEK 3 - Ekonomi**

#### **i. Pertanian dan Penternakan**

- a. Aspek ini menilai usaha-usaha serta kemajuan sektor pertanian (termasuk ternakan haiwan/air) dan sumbangannya terhadap perkembangan ekonomi penduduk kampung tersebut. Ciri-ciri yang dinilai meliputi usaha-usaha pertanian secara berkelompok, pemulihan tanah terbiar, sistem pemeliharaan ternakan, penyenggaraan kebersihan kandang/kolam, pengembangan serta kadar penerimaan dan penggunaan teknologi.
- b. Penekanan juga diberi kepada usaha-usaha pertanian (termasuk ternakan haiwan/air) secara komersial, kaedah-kaedah pengurusan, serta mempertingkatkan hasil dan pemasaran.

#### **ii. Perniagaan, Perindustrian dan Pelancongan**

- a. Aspek ini menilai kepada sejauh mana penglibatan penduduk dalam projek-projek ekonomi selain dari sektor pertanian meliputi perniagaan, industri desa, sektor perkhidmatan, pelancongan, pelaburan/kewangan dan seumpamanya.
- b. Ini termasuklah usaha-usaha mempelbagaikan asas ekonomi yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk seperti industri pemprosesan dan pembuatan, sektor perkhidmatan, industri pelancongan dan perniagaan.
- c. Penilaian juga dibuat kepada keupayaan menghasilkan projek-projek yang boleh dijadikan model kepada kampung-kampung lain, keupayaan menerima dan menggunakan kemahiran/kepakaran serta teknologi baru dan usaha-usaha yang boleh menyumbang ke arah perwujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB).

### **iii. Sumber Kekayaan Baru Desa**

- a. Aspek ini menilai kemampuan penduduk setempat (individu) menggunakan kebolehan, kepandaian, kemahiran, kreativiti dan inovasi untuk :
- mencipta suatu produk unik/baru yang tiada dalam pasaran serta memiliki potensi komersil yang tinggi;
  - mencipta suatu kaedah/teknik teknologi/peralatan atau penyelidikan/warisan petua yang dapat meningkatkan produktiviti, kualiti atau daya saing sesuatu produk; dan
  - memanfaatkan hasil penyelidikan saintifik atau kajian tempatan untuk memberi nilai kompetitif terhadap produk sedia ada.
- b. Skop item ialah kraf tangan, makanan, fabrik, kecantikan, herba baru dan sebagainya. Aspek ini menilai daya penduduk secara individu menerbitkan idea, penggunaan bahan-bahan yang mudah digunakan, cara-cara pembuatan yang tidak kompleks, teknologi murah yang digunakan, penggunaan petua, memanfaatkan hasil penyelidikan tempatan, kepelbagaian jenis ciptaan, perbandingan kuantiti dihasilkan (sebelum/selepas), perbandingan masa pembuatan satu (1) unit (sebelum/selepas), perbandingan kos pembuatan satu (1) unit (sebelum/selepas), harga jualan satu (1) unit, pendapatan purata (bulanan) dan sambutan/testimoni pelanggan.

### **ASPEK 4 - Kebersihan dan Kesihatan**

- a. Aspek ini menilai sejauh mana ciri-ciri kebersihan dan kesihatan dapat diterap dan diamalkan oleh masyarakat kampung. Ini termasuklah sistem pembuangan sampah, bekalan air bersih, pelupusan najis dan air limbah, sisa-sisa pepejal, kebersihan persekitaran termasuk di tempat-tempat awam, penjagaan kawasan dan halaman rumah serta penggunaan ruang-ruang dalam rumah.
- b. Aspek ini memberi gambaran mengenai kesedaran dan amalan penduduk dalam mengutamakan kebersihan dan kesihatan keluarga yang boleh melahirkan

masyarakat yang sihat, berdisiplin dan mempunyai kualiti hidup yang lebih sempurna dan boleh menarik minat pelancong.

### **ASPEK 5 - Keceriaan dan Keindahan**

- a. Aspek ini menilai keceriaan dan keindahan kampung serta kreativiti dan inovasi penduduk.
- b. Aspek ini menilai sejauh mana ciri-ciri keindahan dan keceriaan dapat diterap dan diamalkan oleh masyarakat kampung. Ini meliputi susun atur pokok-pokok hiasan, keindahan halaman serta persekitaran kampung keseluruhannya.
- c. Aspek ini memberi gambaran mengenai kesedaran penduduk untuk mengutamakan cara hidup yang indah dan ceria, pengindahan dan penjagaan alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup.
- d. Aspek ini juga melihat daya inisiatif dalam meningkatkan imej kampung melalui aktiviti seperti pembinaan pintu gerbang, mercu tanda/arca, tanda-tanda arah/lorong/jalan, persimpangan, taman mini/rekreasi, pengolahan dan penggunaan semula bahan-bahan buangan dan seumpamanya.
- e. Aspek ini juga menilai tahap penglibatan dan penyertaan masyarakat kampung dalam amalan gotong-royong/kerja amal, aktiviti sukan dan rekreasi, kebudayaan dan kesenian pada peringkat kanak-kanak, belia, golongan dewasa dan kaum ibu serta tahap pencapaian dalam aktiviti-aktiviti tersebut sama ada di Peringkat Daerah, Negeri atau Kebangsaan.

### **ASPEK 6 - Kerohanian dan Sivik**

- a. Aspek ini menekankan kepada kegiatan dan amalan keagamaan/kerohanian dan sivik yang terdapat di kalangan masyarakat kampung. Tumpuan diberikan kepada kekerapan dan kesan aktiviti kepada penduduk meliputi kursus-kursus / kelas bimbingan agama, kursus keibubapaan/keluarga bahagia, ceramah-ceramah mengenai ketatanegaraan, penyalahgunaan najis dadah, penyakit AIDS, bina diri (Kendiri), kempen-kempen kesedaran dan sebagainya.

- b. Kegiatan melalui aktiviti ini serta kurangnya kadar gejala sosial negatif, vandalisme dan tahap disiplin masyarakat dapat mengukur sejauh mana usaha-usaha yang dibuat ke arah membentuk satu masyarakat kampung yang berdisiplin, prihatin, berdaya tahan, beretika, berhemah dan bermoral tinggi.

### **ASPEK 7 - Teknologi Maklumat & Komunikasi**

- a. Aspek ini dinilai dari segi keupayaan ahli masyarakat khususnya dalam penguasaan dan menggunakan teknologi maklumat di dalam pentadbiran pengurusan dan aktiviti kehidupan masing-masing. Ini termasuklah, kebolehan organisasi dan kepimpinan masyarakat dalam mendapatkan maklumat-maklumat terkini yang berfaedah kepada penduduk kampung melalui 'Internet' dan pelbagai media teknologi maklumat.
  
- b. Selain itu, bilangan penduduk kampung yang memiliki dan berkebolehan menggunakan komputer, mereka cipta laman-web, perwujudan pusat/kelas komputer dan sebagainya adalah merupakan komponen utama yang dipertimbangkan dalam aspek ini.



**Skema Pemarkahan Pemilihan Anugerah Desa Cemerlang**

<b>Bil.</b>	<b>Aspek Penilaian</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>% Markah Keseluruhan</b>
1.	Kepimpinan	100	20 %
2.	Pendidikan	100	20 %
3.	Ekonomi	100	20 %
4.	Kebersihan dan kesihatan	100	10 %
5.	Keceriaan dan keindahan	100	10 %
6.	Kerohanian dan sivik	100	10 %
7.	Teknologi maklumat	100	10 %

**KEANGGOTAAN PANEL HAKIM  
ANUGERAH DESA CEMERLANG**

<b>Bil.</b>	<b>Aspek Penilaian</b>	<b>Peringkat Daerah</b>	<b>Peringkat Negeri</b>	<b>Peringkat Kebangsaan</b>
1	Kepimpinan	Agensi KKLW	Agensi KKLW	INFRA
2	Pendidikan	Pej. Pelajaran Daerah	Jab. Pelajaran Negeri	KEDA
3	Ekonomi : i. Pertanian & Penternakan ii. Perniagaan, perindustrian & pelancongan iii. Sumber Kekayaan Baru Desa	Pej. MARA Daerah	Agensi KKLW	RISDA  FELCRA  FELCRA
4	i. Kebersihan ii. Kesihatan	Pej. Kesihatan Daerah	Jab. Kesihatan Negeri	KETENGAH JHEOA
5	Keceriaan dan Keindahan	Majlis Daerah/ Perbandaran	Jab. Perancangan Bandar & Desa	KEJORA
6	Kerohanian dan Sivik	Pejabat Agama Daerah	Majlis Agama Islam Negeri	KEMAS
7	Teknologi Maklumat	Pejabat Daerah	Unit ICT Kerajaan Negeri	KESEDAR

**LAPORAN TERPERINCI  
PENGHAKIMAN ADC PERINGKAT DAERAH/NEGERI/KEBANGSAAN**

**Nama Kampung** :  
**Mukim / Daerah** :  
**Daerah / Jajahan / Bahagian** :  
**Dewan Undangan Negeri** :  
**Parlimen** :  
**Markah Keseluruhan** :

---

**Ulasan Panel Hakim Mengikut**

1. **Aspek Kepimpinan**
  2. **Aspek Pendidikan**
  3. **Aspek Ekonomi**
  4. **Aspek Kebersihan & Kesihatan**
  5. **Aspek Keceriaan dan Keindahan**
  6. **Aspek Kerohanian & Sivik**
  7. **Aspek Teknologi Maklumat & Komunikasi**
- 

( )  
**Ketua Hakim**

**LAPORAN TERPERINCI SUMBER KEKAYAAN BARU DESA**

**Nama Kampung** :  
**Daerah / Negeri** :  
**Markah Diperolehi** :  
**Nama Pengusaha** :  
**No. Telefon (HP) & (R)** :  
**Alamat Surat-Menyurat** :

---

1. Jenis Produk Baru

---

---

2. Sejarah Terbitan Idea

---

---

3. Bahan-bahan Mudah Yang Digunakan Dicari

---

---

4. Cara-cara Pembuatan Yang Mudah Difahami

---

---

5. Peralatan / Teknologi Murah Yang Digunakan

---

---

6. Petua Yang Digunakan

---

---

7. Hasil Penyelidikan Tempatan Yang Dimanfaatkan

---

---

8. Jenis-jenis Ciptaan Pelbagai

---

---

9. Perbandingan Kuantiti Yang Dihasilkan (sebelum/selepas)

---

---

10. Perbandingan Kos Pembuatan Satu (1) Unit (sebelum/selepas)

---

---

11. Perbandingan Masa Pembuatan Satu (1) Unit (sebelum/selepas)

---

---

12. Harga Jualan Satu (1) Unit

---

---

13. Pendapatan Purata

---

---

14. Senarai Nama Pelanggan

---

---

15. Sambutan/Testimoni Pelanggan

---

---

**SENARAI KEPUTUSAN PERINGKAT DAERAH / NEGERI**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>NAMA KAMPUNG</b>	<b>ASPEK / MARKAH</b>

**ANGGARAN KOS ANUGERAH DESA CEMERLANG (ADC)  
PERINGKAT DAERAH TAHUN 2011**

BIL	NEGERI	DAERAH	HADIAH TUNAI DAERAH (RM)	KOS PENGHAKIMAN ADC	Lain-lain	JUMLAH (RM)
1	JOHOR	10	90,000	30,000	Sijil, mobiliti, peralatan urus setia KKLW dan Kemas Ibu pejabat	120,000
2	KEDAH	12	108,000	36,000		144,000
3	KELANTAN	10	90,000	30,000		120,000
4	MELAKA	03	27,000	9,000		36,000
5	NEGERI SEMBILAN	07	63,000	21,000		84,000
6	PAHANG	10	90,000	30,000		120,000
7	PULAU PINANG	05	45,000	15,000		60,000
8	PERAK	09	81,000	27,000		108,000
9	PERLIS	03	27,000	9,000		36,000
10	SELANGOR	09	81,000	27,000		108,000
11	TERENGGANU	07	63,000	21,000		84,000
12	SABAH	24	216,000	72,000		288,000
13	SARAWAK	11	99,000	33,000		132,000
14	LABUAN	01	9,000	3,000		12,000
JUMLAH		121	1,089,000	363,000	48,000	1,500,000.00